



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

RABU
23 Julai 2025



ALL EMPLOYERS AFFECTED

RM1,700 minimum wage to start from Aug 1

KUALA LUMPUR: The full implementation of the RM1,700 minimum monthly wage will take effect on Aug 1 for all employers, regardless of the number of employees they have.

The Human Resources Ministry said the revised rate, announced in the 2025 Budget, had been in effect since Feb 1 for employers with five or more workers, as well as those engaged in professional activities classified under the Malaysia Standard Classification of Occupations 2020.

"For employers with fewer than five workers, the six-month deferment period ends on July 31.

"Beginning Aug 1, all employers — including those previously granted deferment — must comply with the RM1,700 minimum monthly wage order.

"This applies to non-citizen workers and apprenticeship contract workers but excludes maids. All employers are required to adhere to this minimum wage to ensure employees' rights are protected in accordance with pre-

vailing laws."

The ministry called on employers to review their wage structures to ensure their employees received a basic salary not below the stipulated minimum rate.

"Employers should progressively adjust operations by focusing on productivity improvements and investing in workforce skills training."

It added that failure to comply with the Minimum Wage Order was an offence under the National Wages Consultative Council Act 2011.

Those found guilty can be fined up to RM10,000 per employee, with an additional RM1,000 penalty for each day the offence continues after conviction.

Repeat offenders face fines of up to RM20,000 or a maximum jail term of five years.

"Employers are also encouraged to adopt the voluntary Progressive Wage Policy, where they increase the earnings of their employees based on productivity and skills while receiving targeted government aid," said the ministry.



Akhbar	Kosmo!
Tarikh	23 Julai 2025
Ruang	Negara!
Muka Surat	6

Gaji minimum RM1,700 mulai 1 Ogos

- Tertakluk kepada majikan tanpa mengira bilangan pekerja
- Meliputi pekerja asing, kontrak

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

PETALING JAYA – Pelaksanaan penuh Perintah Gaji Minimum (PGM) RM1,700 sebulan akan dikuatkuasakan kepada semua majikan di seluruh negara bermula 1 Ogos ini tanpa mengira bilangan pekerja.

Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) memaklumkan, semua majikan perlu menyemak semula struktur gaji syarikat bagi memastikan tiada pekerja menerima gaji pokok di bawah kadar minimum yang ditetapkan.

Menurutnya, kadar baharu yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 itu sebelum ini telah mula dilaksanakan secara ber-



SEMUA majikan perlu menyemak semula struktur gaji syarikat bagi memastikan tiada pekerja menerima gaji pokok di bawah kadar minimum yang ditetapkan. – GAMBAR HIASAN

peringkat bermula 1 Februari lalu bagi majikan yang mempunyai lima pekerja dan ke atas serta menjalankan aktiviti profesional

seperti diklasifikasikan di bawah Malaysia Standard Classification of Occupations (MASCO) 2020.

Namun katanya, bagi majikan

yang menggajikan kurang daripada lima pekerja, satu tempoh penangguhan selama enam bulan telah diberikan dan ia tamat

pada 31 Julai ini.

"Ini bermakna, bermula 1 Ogos ini, semua majikan tanpa pengecualian, termasuk mereka yang sebelum ini menikmati tempoh penangguhan perlu mematuhi perintah gaji minimum sebanyak RM1,700 sebulan.

"Ini termasuk untuk pekerja bukan warganegara dan pekerja kontrak perantisan, namun tidak terpakai kepada pekhidmat domestik," katanya dalam kenyataan semalam.

Sehubungan itu katanya, semua majikan diwajibkan mematuhi kadar minimum ini bagi memastikan hak pekerja dilindungi selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa.

Menurut kementerian itu, kegagalan majikan mematuhi PGM adalah satu kesalahan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732).

Sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda sehingga RM10,000 bagi setiap pekerja dan denda tambahan RM1,000 bagi setiap hari kesalahan berterusan selepas sabitan.

8 NASIONAL
SINAR HARIAN • RABU 23 JULAI 2025

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Gaji minimum RM1,700 wajib mulai 1 Ogos

Berkuat kuasa kepada semua majikan di seluruh negara tanpa mengira bilangan pekerja yang digajikan

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**
PUTRAJAYA


Semua majikan di seluruh negara tanpa pengecualian diwajibkan membayar gaji minimum RM1,700 sebulan kepada pekerja bermula 1 Ogos ini, demikian menurut Kementerian Sumber Manusia (Kesuma).

Pelaksanaan penuh Perintah Gaji Minimum (PGM) 2024 itu akan merangkumi semua majikan tanpa mengira kira bilangan pekerja yang digajikan, termasuk majikan yang sebelum ini diberi penangguhan selama enam bulan.

Menurut Kesuma, kadar baharu itu telah diumumkan dalam Belanjawan 2025 dan mula dilaksanakan pada 1 Februari lalu bagi majikan yang mempunyai lima pekerja dan ke atas serta bagi majikan yang menjalankan aktiviti profesional seperti diklasifikasikan di bawah Malaysia Standard Classification of Occupations (MASCO) 2020.

"Bagi majikan yang menggajikan kurang daripada lima pekerja, tempoh penangguhan pelaksanaan selama enam bulan diberikan dan akan tamat pada 31 Julai," jelas kementerian itu.

Perintah itu turut terpakai kepada pekerja bukan warganegara dan pekerja kontrak perantisan, namun tidak melibat-



Semua majikan di seluruh negara tanpa pengecualian diwajibkan membayar gaji minimum RM1,700 sebulan kepada pekerja bermula 1 Ogos ini.

kan pekhidmat domestik.

Kesuma menegaskan bahawa semua majikan perlu menyemak semula struktur gaji syarikat agar tiada pekerja menerima gaji pokok di bawah kadar minimum yang ditetapkan.

"Majikan juga perlu membuat penyesuaian operasi secara progresif dengan memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan pelaburan dalam latihan kemahiran pekerja," menurut kenyataan itu.

Kegagalan mematuhi perintah tersebut merupakan satu kesalahan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732), dan boleh dikenakan denda sehingga RM10,000 bagi setiap pekerja.

Selain itu, denda tambahan sebanyak RM1,000 akan dikenakan bagi setiap hari

kesalahan itu berterusan selepas sabitan, manakala bagi kesalahan berulang, majikan boleh didenda maksimum RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun.

Dalam masa yang sama, kerajaan turut menggalakkan majikan menyertai Dasar Gaji Progresif (DGP) yang bersifat sukarela dan bertindak sebagai pelengkap kepada pelaksanaan gaji minimum.

"Melalui DGP, majikan berpeluang meningkatkan pendapatan pekerja berdasarkan produktiviti, kemahiran dan sumbangan kerja, sambil menikmati insentif tunai bersasar daripada kerajaan," jelas kenyataan itu.

Menurut Kesuma, langkah ini membantu syarikat mengekalkan pekerja berkemahiran tinggi dan mengukuhkan daya saing dalam pasaran buruh yang semakin mencabar.

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING SETAKAT JAM 5 PETANG SELASA

1 WANITA DIROGOL, DIBUNUH SECARA KEJAM SELEPAS TUNTUT HUTANG

2 PM UMUM PENGHARGAAN BUAT RAKYAT MALAYSIA JAM 10.30 PAGI ESOK

3 SISTER HONG 'DICEKUP' SELEPAS PERDAYA RATUSAN PELANGGAN LELAKI

4 REALITI POLITIK MEMAKSA PN BUKA PINTU RUNDINGAN LUAR

5 MINYAK MASAK BERSUBSIDI: KPDN KENA SIASAT SAMPAI LUBANG CACING

6 ISU 'KUTTY': KES SAMAN TUN MAHATHIR, AHMAD ZAHID SELESAI SECARA BAIK

7 TRUMP 'TERKEJUT' SERANGAN ISRAEL DI SYRIA, GEREJA DI GAZA - RUMAH PUTIH

8 'SUNTIKAN MAUT' PEMUTIHAN KULIT

9 FEI-DIN AZAM TEBUS KEKECEWAAN DI

Minimum wage order to be enforced next month

PUTRAJAYA: The minimum wage order of RM1,700 per month will come into effect next month, the Human Resources Ministry said yesterday.

It said the revised rate, announced under Budget 2025, will apply to employers nationwide, regardless of the number of employees hired, following the end of a six-month deferment period on July 31.

"Effective Aug 1, all employers must comply with the wage order.

"This includes non-citizen employees and contract apprentices, but does not apply to domestic workers. All employers are required to adhere to the order

to ensure employees' rights are protected in accordance with prevailing laws."

The order has been in effect since Feb 1 for employers with five or more workers, as well as those engaged in professional activities classified under the Malaysia Standard Classification of Occupations 2020.

The ministry reminded employers to review their company's wage structure to ensure no employee receives a basic salary below the stipulated minimum rate and to progressively adjust operations by focusing on productivity enhancement and employee skills training.

The ministry warned that failure to comply with the order is an offence under the National Wages Consultative Council Act 2011, which carries a fine of up to RM10,000 for each affected employee, with an additional penalty of RM1,000 for each day the offence continues after conviction. For repeat offences, the maximum penalty may reach RM20,000 or imprisonment for up to five years.

The ministry also encouraged employers to adopt the voluntary progressive wage policy that serves to complement the implementation of the minimum wage order.

"Through the policy, employers have the opportunity to raise employees' incomes based on productivity, skills and work contributions, while also benefiting from targeted cash incentives provided by the government. This helps companies retain highly skilled workers and strengthens long-term competitiveness in an increasingly challenging labour market."

Complaints regarding the implementation of the minimum wage order can be submitted to the Labour Department offices nationwide or via the ministry's website. – Bernama

Pelaksanaan gaji minimum bermula Ogos

Putrajaya: Bermula 1 Ogos ini, semua majikan tanpa mengira jumlah pekerja wajib mematuhi sepenuhnya Perintah Gaji Minimum (PGM) 2024 sebanyak RM1,700 sebulan.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) berkata, semua majikan perlu menyemak semula struktur gaji syarikat bagi memastikan tiada pekerja menerima gaji pokok di bawah kadar minimum yang ditetapkan.

Katanya, kadar baharu itu sebelum ini diumumkan dalam Belanjawan 2025 dan mula dilaksanakan pada 1 Februari lalu bagi majikan yang mempunyai lima orang atau lebih pekerja serta bagi majikan yang menjalankan aktiviti profesional se-

perti diklasifikasikan di bawah 'Malaysia Standard Classification of Occupations' (MASCO) 2020.

"Ini bermakna, bermula 1 Ogos 2025, semua majikan tanpa pengecualian, termasuk mereka yang sebelum ini menikmati tempoh penangguhan, perlu mematuhi perintah gaji minimum sebanyak RM1,700 sebulan.

"Ini termasuk untuk pekerja bukan warganegara dan pekerja kontrak perantisan, namun tidak terpakai kepada pekhidmat domestik. Semua majikan diwajibkan mematuhi kadar minimum ini bagi memastikan hak pekerja dilindungi selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa," katanya dalam kenyataan semalam.

KESUMA berkata, kegagalan mematuhi perintah gaji minimum adalah kesalahan mengikut Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 (Akta 732).

Sekiranya disabitkan kesalahan, majikan boleh dikenakan denda sehingga RM10,000 bagi setiap pekerja, denda tambahan sebanyak RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan, dan bagi kesalahan berulang, denda maksimum boleh mencecah RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun.

"Selain itu, majikan juga perlu membuat penyesuaian operasi secara progresif dengan memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan pelaburan dalam latihan kemahiran peker-

ja," katanya.

Dalam pada itu, KESUMA turut menggalakkan majikan untuk memanfaatkan Dasar Gaji Progresif (DGP) yang bersifat sukarela dan bertindak sebagai pelengkap kepada pelaksanaan gaji minimum.

Melalui DGP, katanya, majikan berpeluang meningkatkan pendapatan pekerja berdasarkan produktiviti, kemahiran dan sumbangan kerja, sambil menikmati insentif tunai bersasar daripada kerajaan.

"Ini bukan sahaja membantu syarikat mengekalkan pekerja berkemahiran tinggi, malah turut mengukuhkan daya saing jangka panjang dalam pasaran buruh yang semakin mencabar," katanya.

Rabu, 23 Julai 2025

Nasional

9

'Menua bermaruah jadi anangan di siang hari'

Malaysia perlukan anjakan nasional, dengan persaraan mencerminkan kepelbagaian situasi semasa pekerjaan

Kita sering bercakap soal persaraan sebagai ganjaran yang menghamparkan ruang rehat selepas bertahun-tahun berkhidmat. Hakikatnya di Malaysia ketika ini, persaraan bukan lagi suatu jaminan kerana bagi kebanyakan individu, ia keistimewaan yang tidak mungkin digapal. Di kala gelanggang perdebatan kembali hangat mengenai cadangan meningkatkan usia persaraan ke 65 tahun, andalannya kedengaran seakan logik. Rakyat Malaysia boleh berkhidmat lebih lama seiring peningkatan jangka hayat semasa. Tetapi andaian bukan bukti dan di PERKESO, hakikat sebenar memberi gambaran penuh duka. Dalam tempoh sedekad lalu, tuntutan keilangan melonjak lebih 160 peratus. Pada 2023, lebih 52

dalam setiap 10,000 pekerja aktif mengemukakan permohonan keilangan.

Mereka ini bukan warga tua yang menginjak fasa persaraan kerana purata pemohon hanya berusia 45 tahun.

Ini bukan berkait dengan kes terencil, sebaliknya dikesan sebagai pola semasa yang semakin meruncing. Lebih mengusarkan ialah 85 peratus kes keilangan yang dibayar pada Disember 2024 berpunca daripada penyakit tidak berjangkit (NCD) - diabetes, penyakit kardiovaskular, kegagahan buah pinggang, angin ahmar.

Semua ini bukan kes kecederaan, tetapi keadaan yang tercetus angkara ketegangan fizikal bertahun lamanya, selain kepincangan langkah pencegahan dan intervensi awal.

Kelompok pekerja ini mengerah kudrat untuk bertahan dengan mengetepikan semua petanda amaran awal. Disangkakan alah bisa tegal biasa, akhirnya tubuh mereka rebah jauh sebelum menjangkau usia persaraan.

Memang semudah petik jari jika kita cuba mewajarkan rakyat Malaysia untuk bekerja lebih lama.

Soalnya, pernah kita tanya, mampukah mereka? Melanjutkan usia persaraan kepada 65 tahun tanpa menongkat mereka

yang rebah ibarat membina jambatan untuk segelintir yang bertuntung manakala selebihnya perlu berenang ke seberang.

Malah, untuk yang berjaya menginjak usia persaraan, jalan penuh berliku menanti mereka. Hal ini kerana Malaysia ialah antara 13 negara di dunia yang masih bergantung kepada model persaraan caruman tertakrif (*defined contribution*).

Ini bermaksud, simpanan akhir bergantung kepada jumlah caruman dan jika kerjaya berakhir awal, maka romponglah jaring perlindungan anda.

Realiti di sebalik perangkaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula merudum apabila hampir 75 peratus anggota berumur 54 tahun mempunyai kurang RM250,000 dalam akaun mereka.

Ini dicongak, wang persaraan mereka hanya sekitar RM1,060 sebulan, iaitu kadar di bawah garis kemiskinan nasional yang diharapkan mampu bertahan dalam tempoh 20 tahun ke hadapan.

Bekalan fiskal ini jauh daripada cukup, malah bagi hidup tercungap nafas dengan petanda, sudah mula terzhahir menerusi perangkaan semasa. Pengeluaran KWSP disebabkan kesihatan melambung sebanyak 41 peratus sejak 2015.

Pada 2023 sahaja, lebih RM93 bilion dikeluarkan berikutan hilang upaya. Situasi ini memberi gambaran jelas, model persaraan di Malaysia kian terhimpit di kedua-dua sudut, iaitu tempas daripada peningkatan jangka hayat dan lonjakan kadar pemberhentian kerja berikutan masalah kesihatan.

Bagi merungkal situasi ini, pendekatan PERKESO melangkaui sekadar penyediaan bayaran faedah menerusi Program Sarungan Kesihatan PERKESO yang menyasarkan pekerja berusia 40 tahun dan ke atas untuk 'memburu' punca sebelum membarah.

Program *Return-To-Work (RTW)* pula digerakkan bagi membantu insan mengalami 'bencana' kembali ke alam pekerjaan melalui rehabilitasi, penyesuaian kerjaya dan sokongan sewajarnya.

Jelas, PERKESO bukan sekadar agensi penyedia pampasan faedah, tetapi pendamping aspek pencegahan, pemulihan dan ketahanan.

Bagaimanapun, andai keseluruhan sistem masih berada di takuk lama, penyelesaian isu ini sekadar angan-angan di siang hari.

Kita memerlukan anjakan di peringkat nasional, dengan lakaran matlamat baharu persaraan yang mencerminkan kepelbagaian situasi semasa dunia pekerjaan. Ia meliputi laluan persaraan anjal, pilihan kerja untuk yang hilang upaya separa dan jaminan pendapatan minimum untuk individu terpaksa berhenti awal daripada perkhidmatan.

Berhentilah melihat persaraan hanya dari kanta usia, sama ada 60 atau 65 tahun, sebaliknya kita kena mula memperakui hakikat, kemampuan bekerja tidak dijadikan pemalar sejak azali.

Bukan semua pekerja disahkan pilihan apabila terpaksa berhenti kerana tubuh badan individu menjadi penentu, melangkaui jangka yang ditetapkan dalam dasar.

Usah merencanak sistem hanya sekadar menguntungkan yang paling kuat. Kita juga perlu melindungi mereka yang berkorban jiwa dan raga, sebelum gugur dari medan kerja tanpa suara didengari, diberi talian hayat dan lazimnya menanti pembelaan tidak kunjung tiba.

Menjelang tirai pembukaan Forum Keselamatan Sosial Dunia (WSSF) pada 29 September tahun ini di Kuala Lumpur, Malaysia



Dr Mohammed Azman
Aziz Mohammed

berada di persimpangan genting.

Forum global ini bukan sekadar pentas pertukaran dasar, tetapi wahana untuk menguji keikhlasan.

Sebagai tuan rumah, PERKESO membuka pintu kepada dunia bukan hanya bermodalan layanan penuh tertib dan santun, tetapi dengan kerendahan hati. Ini peluang keemasan Malaysia menimba pengalaman daripada pelbagai negara yang mempunyai latar belakang setara, baik dari segi ekonomi, tekanan demografi dan aspek kebudayaan, tetapi mereka berjaya menemui formula penyelesaian inovatif tanpa mengulangi sejarah lama.

WSSF membolehkan kita mengukur sistem sedia ada, menguji dasar dan mengerah litizmat daripada kewibawaan serta pengalaman global. Malah yang lebih penting, ia pentas cerminan diri mengenai kedudukan semasa Malaysia dan hala tuju kita seterusnya. Inilah detik penentuan sama ada kita sekadar ingin mengurusi masa kini atau berani merintis reformasi demi masa depan.

Namun untuk melangkah ke hadapan, keadilan mesti ditegakkan buat insan yang tercicir daripada kelompokan sistem kita. Mereka ini tidak sempat menginjak usia persaraan, namun bertahan hingga rebah tanpa akur. Golongan inilah yang sepatutnya tidak wajar dipinggirkan sejak awal lagi.

Janganlah masa depan dibina hanya untuk memihak kepada yang kuat dan bernasib baik. Sebaliknya, gagasan masa depan dengan mengangkat yang lemah, selain memberi jaminan kepada pekerja, waima tidak sampai ke garisan penamat, anda tidak akan pernah dilupakan.

Akhirnya, dunia ini memerlukan teman. Apa ertinya menjadi insan terakhir berdiri di hujung garisan, andai yang lain lama gugur di tengah jalan?

● Penulis adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed



Program *Return-To-Work (RTW)* membantu insan mengalami 'bencana' kembali ke alam pekerjaan melalui rehabilitasi, penyesuaian kerjaya dan sokongan sewajarnya. (Foto PERKESO)